KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 6 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **10 PANEL ANGGOTAI TRIBUNAL ANTIGANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282609/berita/nasional/10-panel-anggotai-tribunal-antigangguan-seksual | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2231831 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/akta-antigangguan-seksual-kpwkm-peroleh-kelulusan-lantik-10-ahli-panel-tribunal-IN11582219 | THESUNDAILY.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70453-pelantikan-ahli-panel-tribunal-akta-gangguan-seksual-di-peringkat-akhir-nancy | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-antigangguan-seksual-kpwkm-peroleh-kelulusan-lantik-10-ahli-panel-tribunal-440399 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinardaily.my/article/209867/malaysia/national/anti-sexual-harassment-act-tribunal-to-have-10-members---nancy | SINARDAILY.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/05/anti-sexual-harassment-act-tribunal-to-have-10-members-says-nancy-shukri/94580#:~:text=IPOH%2C%20Oct%205%20%E2%80%94%20The%20Ministry,Act%202022%20(Act%20840). | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/681635 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/nancy-anti-sexual-harassment-act-tribunal-to-have-10-members-JN11583864 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2231911 | BERNAMA.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/465328 | THEMALAYSIAINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **TAK SEDAR JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL PUNCA TAK LAPOR** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161052/tak-sedar-jadi-mangsa-gangguan-seksual-punca-tak-lapor | BHARIAN.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SEMAKIN RAMAI LELAKI TAMPIL, MENGAKU MANGSA GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016720/semakin-ramai-lelaki-tampil-mengaku-mangsa-gangguan-seksual | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/05/187-lelaki-buat-laporan-jadi-mangsa-gangguan-seksual-tahap-tinggi/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/05/increasing-number-of-men-lodging-sexual-harassment-reports-says-nancy | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **PERAK DI KEDUDUKAN KETIGA TERTINGGI KES GANGGUAN SEKSUAL 2022** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/perak-di-kedudukan-ketiga-tertinggi-kes-gangguan-seksual-2022/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PENGANGGUR MENGAKU SALAH CUBA ROMPAK WANITA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016785/penganggur-mengaku-salah-cuba-rompak-wanita | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=sB767POFAw0 | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-mengaku-salah-tikam-wanita-di-kedai-dobi-440430 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282667/berita/semasa/penganggur-mengaku-salah-tikam-wanita-di-kedai-dobi | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/penganggur-mengaku-salah-cuba-samun-wanita-di-dobi-seberang-takir/ | KOSMO.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PASANGAN TINGGALKAN BAYI KEPADA PENJAGA SEBELUM HILANGKAN DIRI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/pasangan-tinggalkan-bayi-kepada-penjaga-sebelum-hilangkan-diri/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **DERA 2 ANAK KANDUNG, WANITA DAN TEMAN LELAKI DIDAKWA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016719/dera-2-anak-kandung-wanita-dan-teman-lelaki-didakwa | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NcV-STiS2tY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **LELAKI BUJANG AMBIL ANAK ANGKAT PEREMPUAN BERDEPAN TINDAKAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/lelaki-bujang-ambil-anak-angkat-perempuan-berdepan-tindakan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **BUKIT AMAN TAHAN 32 WANITA ASING JADI GRO** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bukit-aman-tahan-32-wanita-asing-jadi-gro/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **HANYA LELAKI LEMAH PUKUL WANITA – LUFYA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/lufya-label-lelaki-lemah-jika-pukul-wanita/ | KOSMO.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **SUKAN ASIA: PEMAIN SKUASY S. SIVASANGARI MENGGONDOL PINGAT EMAS ACARA PERSEORANGAN WANITA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-sukan/sukan-asia-pemain-skuasy-s-sivasangari-menggondol-pingat-emas-acara-perseorangan-wanita-440423 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/raket/2023/10/1161175/sivasangari-hadiah-emas-keempat-malaysia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **BULAN KOMUNITI MCDONALD'S RAI KANAK-KANAK MEMERLUKAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282566/edisi/selangor-kl/bulan-komuniti-mcdonalds-rai-kanak-kanak-memerlukan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **BAPA DIDAKWA ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK KANDUNG** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282593/berita/semasa/bapa-didakwa-rogol-amang-seksual-anak-kandung | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **PERKIM WANITA ULU KELANG RAI ANAK YATIM, MUALAF** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016679/perkim-wanita-ulu-kelang-rai-anak-yatim-mualaf | HMETRO.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PRIHATIN \| WANITA TERTUA BERUSIA 115 TAHUN** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=UFJNdE1HZAo | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KANAK-KANAK 2 TAHUN MAUT DILANGGAR VAN PENUMPANG THAILAND** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016746/kanak-kanak-2-tahun-maut-dilanggar-van-penumpang-thailand | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1161089/kanak-kanak-maut-dilanggar-van-thailand | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **KANAK-KANAK TERDEDAH ASAP ROKOK BOLEH MAUT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/kanak-kanak-terdedah-asap-rokok-boleh-maut/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **BUNUH ANAK: MAHKAMAH RAYUAN GANTI HUKUMAN MATI DENGAN PENJARA 30 TAHUN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282617/berita/semasa/bunuh-anak-mahkamah-rayuan-ganti-hukuman-mati-dengan-penjara-30-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **WARGA EMAS 90-AN MAUT DALAM KEBAKARAN RUMAH PANJANG DI SONG** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-90-an-maut-dalam-kebakaran-rumah-panjang-di-song/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/warga-emas-diselamatkan-dari-kebakaran-meninggal-beberapa-minit-kemudian-AN11585063 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **NAIKKAN JUMLAH BANTUAN, BAUCAR BELIAN UBAT KEPADA OKU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282526/berita/nasional/naikkan-jumlah-bantuan-baucar-belian-ubat-kepada-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **LELAKI WARGA EMAS DITUDUH ANGKUT 5 PATI WARGA MYANMAR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/05/lelaki-warga-emas-dituduh-angkut-5-pati-warga-myanmar/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **BAYI LIMA BULAN JALANI LAPAN PEMBEDAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282587/edisi/perak/bayi-lima-bulan-jalani-lapan-pembedahan | SINARHARIAN.COM.MY |

6/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **GANGGUAN SEKSUAL: JURULATIH DODGEBALL DIDAKWA ESOK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016899/gangguan-seksual-jurulatih-dodgeball-didakwa-esok | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **'IBU HANYA MAHU BERBAIK, HIDUP TENANG DI SAMPING ANAK-ANAK'** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282611/berita/semasa/ibu-hanya-mahu-berbaik-hidup-tenang-di-samping-anak-anak | SINARHARIAN.COM.MY |

TAJUK : MASA UNTUK BERTINDAK CEGAH PELAJAR HISAP VAPE

HARI : JUMAAT | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 OKT 2023 | M/SURAT : 13

TONE : POSITIF | SEKTOR : KPWKM

# Masa untuk bertindak cegah pelajar hisap vape

NV Subbarow,
Persatuan Pengguna Pulau Pinang

**Di Malaysia** hari ini, belia terperangkap dalam budaya baharu iaitu menghisap vape. Ia budaya yang sangat merisaukan apatah lagi purata usia belia yang menghisap vape kini semakin muda pada setiap tahun.

Tinjauan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendapati terdapat peningkatan membimbangkan dalam bilangan remaja Malaysia yang cuba menggunakan vape dalam tempoh lima tahun lalu. Sebagai contoh satu kajian dibuat pada 2020 membabitkan sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang yang mempunyai 800 murid. Ketika kajian dilakukan didapati seramai 160 murid mengambil vape, tetapi pada 2022 ketika kajian sama dibuat, terdapat peningkatan seramai 90 orang menjadikan jumlah murid yang menghisap vape di sekolah itu mencecah 250 murid.

Itu baru menghisap vape, bukan rokok. Berdasarkan laporan guru, jumlah peningkatan murid yang menghisap rokok juga bertambah setiap bulan. Malah, ramai pelajar mengakui bahawa mereka adalah perokok sebelum beralih kepada vape atau e-rokok sesuai dengan aliran masa kini.

Malang sekali, trend ini juga dilihat di sekolah rendah. Penggunaan vape atau shisha semakin popular dalam kalangan murid sekolah rendah dari usia lapan hingga 12 tahun.

Malah, sebelum ini terdapat laporan berdasarkan Tinjauan Kesihatan 2022, yang merekodkan peningkatan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja lingkungan usia 13 hingga 15 tahun. Iaitu seramai 211,084 pada 2017 kepada 301,109 pada 2022.

Ini adalah angka yang amat mengejutkan. Malah, lebih membimbangkan, semakin banyak sekolah berhadapan masalah murid menghisap vape hingga ia menjadi seakan-akan wabak. Ramai guru tampil membuat aduan kepada CAP mengenai penggunaan tandas sekolah kini sebagai pusat menghisap vape sehinggakan ia meninggalkan kesan bau pelbagai perisa dengan paling ketara aroma buah-buahan

Hal ini sebenarnya mudah dijangka kerana vape datang dengan pelbagai perisa dengan rasa buah-buahan paling diminati. Pelajar sekolah rendah dan menengah, malah belia jelas tertarik dengan teknologi elektronik dalam peranti vape berperisa buah-buahan ini.



Dalam tinjauan CAP, kami mendapati kadar penghisap vape berusia dalam lingkungan 13 hingga 20 tahun menggunakan e-rokok pakai buang semakin meningkat. Maklumat ini diperoleh menerusi perkongsian maklumat daripada penjual vape.

## Jumlah penghisap cecah dua juta

Sebenarnya hal ini sangat membimbangkan, malah kita gusar dengan strategi pemasaran vape dan e-rokok kepada murid atau generasi muda. Apatah lagi mereka menyasarkan remaja yang tidak merokok.

Seperti juga vape, e-rokok datang dalam warna terang dan terdapat rangkaian kira-kira 17,000 perisa, termasuk coklat, nanas, pudina, epal, anggur, oren, koko dan lemon yang menarik minat generasi muda.

Bagi ibu bapa yang tidak maklum, di negara ini terdapat tiga jenis utama peranti e-rokok iaitu produk pakai buang; isian semula, selain peranti boleh guna semula yang melekat pada katrij.

Untuk rekod, sekitar enam tahun lalu hanya terdapat 500,000 penghisap vape di Malaysia, tetapi kini jumlahnya sudah mencecah kira-kira dua juta. Angka ini dijangka semakin meningkat seiring dengan populariti vape dalam kalangan remaja, termasuk remaja perempuan.

Justeru, ibu bapa perlu mengambil tahu perihal anak remaja mereka. Tanpa pengawasan dan bimbingan yang betul, jumlah itu akan terus bertambah. Apatah lagi kaedah jualan vape kini sangat mudah, hanya dibuat dalam talian.

Jadi, dalam mengekang gejala tidak baik ini, ahli Parlimen perlu bertindak pantas dengan meluluskan rang undang-undang Akta Generasi Penamat Rokok (GEG) dengan larangan penjualan rokok dan e-rokok kepada kanak-kanak. Inilah masanya untuk bertindak menyelamatkan anak muda kita.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BABY DOLL SUDAH MULA MAKAN BUBUR' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



KEADAAN terkini Abdullah yang dikongsikan Abdur Rahman di media sosial. - Gambar TikTok Abdur Rahman



ABDULLAH (kiri) sebelum kemalangan, bersama abangnya, Abdur Rahman.

MANGSA TERSELAMAT NAHAS ENAM BERANAK

# 'Baby Doll sudah mula makan bubur'

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Alhamdulillah, satu lagi *miracle* (keajaiban) Allah tunjuk. *'Baby Doll'* (Abdullah) dah mula makan bubur dan semalam (kelmarin) dia sudah mula isi perut yang kurus 'keding'," coret Abdur Rahman, 19, mengenai perkembangan terkini adiknya, Abdullah, 15.

Abdullah satu-satunya mangsa terselamat dalam kemalangan yang meragut nyawa ibu bapanya serta empat lagi adik-beradik di Kilometer (KM) 5, Jalan Segamat-Kuantan dekat Segamat pada 1 September lalu.

Pada masa sama, Abdur Rahman juga buat pertama kali berkongsi gambar Abdullah yang sedang baring atas katil serta minum susu.

"Doakan *Baby Doll* cepat sembuh. September yang penuh dengan kenangan mengusik jiwa," coretnya menerusi aplikasi TikTok.

Sementara itu, Abdur Rahman turut meluahkan isi hati susulan tragedi menyayat hati yang menyebabkan dia bersama Abdullah menjadi yatim piatu.

"Kata orang, hilangnya ibu maka hilanglah satu kunci makbul doa. Kata orang hilangnya ayah, maka hilanglah contoh orang yang tak pernah berhenti bekerja demi keselesaan keluarga.

"Hilangnya adik-beradik, maka hilanglah tempat untuk kita bertekak. Tapi jangan risau doa abang dengan Abdullah tidak akan hilang untuk kamu semua.

"Satu Malaysia bangga dengan ibu dan abi tau, abi dah *famous* (terkenal)...abang pun jadi terkenal ini asbab kebaikan ibu dan abi.

"Abang cuma menumpang, abang dapat macam ni sebab ibu dan abi ajar," tulisnya.

Dalam coretan berlatar belakangkan gambar kenangan mereka sekeluarga, Abdur Rahman turut mengimbas kembali pengalaman menaiki motosikal bersama arwah adik bongsunya, Muhammad Assyakrawi, 5, yang dipanggil Awie.

"Abang rindu Awie, bawalah motosikal kat sana macam dulu abang bawa setiap petang. Akak Timah (Fatimatulzahrah) jaga adik-adik tu.

"Insya-Allah nanti abang Man dengan Abdullah akan menyusul nanti. Hari ini sudah lebih sebulan adik abang berehat, terima kasih jadi adik yang baik walaupun kakak selalu bergaduh dengan abang.

"Doakan abang dan Abdullah, kau dah ada kelebihan tarik ibu, abi masuk syurga. Kau rehatlah puas-puas tak payah sekolah lagi dah, abang sayang sangat adik-beradik abang," katanya.

Sebelum ini, Abdur Rahman memberitahu, Abdullah terpaksa menjalani pembedahan memasukkan besi di tangan kirinya dan adiknya itu tidak mampu bertutur dengan jelas kerana rahangnya patah.

Kemalangan jam 6.30 petang mengorbankan ibu bapa Abdur Rahman, Amir Ruddin Ismail, 46, dan Noorahimah Noor Muhamad, 43, serta empat adik-beradiknya, Fatimatulzahrah, 17; Seri Khadijah Aqilah, 13; Rufaidatul Asyariyah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5.

Kemalangan itu berlaku ketika mereka sekeluarga dalam perjalanan dari Kluang menghantar Noorahimah yang mengajar di Sekolah Agama Kemedak dekat Segamat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'EUSUF DAH TAK HANTUK KEPALA KE DINDING LAGI' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

# 'Eusuf dah tak hantuk kepala ke dinding lagi'

***Budak hidap LGS diserang sawan hingga 100 kali sehari kini semakin baik lepas guna alat VNS***

**Putrajaya**

Djasriza Jasin dan suaminya, Idzfan Idris tidak pernah meletakkan harapan tinggi untuk melihat anak lelaki mereka normal seperti kanak-kanak lain namun apabila serangan sawan anaknya berkurangan daripada 100 kali sehari kepada tujuh kali, hanya perkataan syukur dapat diluahkan.

Bagi Djasriza, 46, perkembangan itu sudah cukup baik buat dirinya dan Idzfan, 48, apabila melihat anak tersayang, Eusuf Muhammad yang kini berusia lapan tahun semakin cergas bergerak mengelilingi rumah, berlari dan dipimpin untuk berjalan.

"Perkembangan ini sudah cukup menggembirakan hati kami sebagai ibu bapa, jika dibandingkan sebelum ini dia hanya terlantar dan terpaksa didukung," katanya kepada Harian Metro.

Kisah Eusuf pernah dilaporkan Harian Metro secara eksklusif pada 2018 apabila anak syurga itu yang menghidap penyakit Sindrom Lennox Gestaut (LGS) diserang sawan 30 hingga 100 kali sehari menyebabkan dia perlu memakai alat penstabilan gelombang otak, *Vagal Nerve Stimulator* (VNS) berharga RM100,000 manakala untuk proses implan alat itu di kepala berharga RM30,000.

Eusuf yang kerap menghantuk kepala ke dinding dan menangis 12 jam tanpa henti disahkan menghidap penyakit itu ketika ulang tahun kelahirannya yang pertama pada 24 Mei 2016.

Hasil keprihatinan orang ramai sebaik laporan itu dipaparkan di akhbar ini, jumlah kutipan dana rawatan Eusuf berjumlah RM130,000 berjaya diraih dalam tempoh enam hari saja.

Kini, Eusuf membesar dengan sihat dan masih memakai VNS bagi mengurangkan sawannya.

Djasriza berkata, agak mustahil untuk sawan Eusuf hilang sepenuhnya, tetapi mereka sangat bersyukur selepas memasang implan perangsang saraf vagal bagi mengawal sawannya.

"Nak kurangkan terus atau tiada langsung agak sukar namun sekarang sawan boleh dikatakan kurang atau tujuh kali saja, kadang-kadang sekali sehari.

"Jika dulu Eusuf mempunyai enam jenis sawan, tetapi kini hanya tinggal satu jenis iaitu sawan *tonic* yang masih degil.

"Bagaimanapun perkembangan ini cukup menggembirakan hati kami kerana Eusuf tidak lagi menghantuk kepala ke dinding dan mengamuk seperti dulu," katanya kepada Harian Metro.

Djasriza berkata, Eusuf lebih gemar apabila dibawa keluar berjalan dan bercuti.

"Apabila kami bawa Eusuf keluar rumah dan berjalan pergi bercuti atau pusat beli-belah, kadang-kadang sawannya langsung tiada pada hari berkenaan," katanya.

Pensyarah di universiti swasta itu berkata, perkembangan itu sudah cukup menggembirakan keluarga kecil mereka apabila Eusuf tidak lagi mengamuk atau *hyper* dan menghantuk kepalanya di dinding.

"Dia akan berlari mengelilingi rumah, tetapi masih tidak dapat bercakap," katanya.

Djasriza berkata, dia bersyukur adik beradik Eusuf yang lain sangat memahami keadaan anaknya itu apabila saling membantu dan memberi kerjasama kepada mereka suami isteri.

"Alhamdulillah anak yang lain sangat menyayangi Eusuf, mereka sudah tahu apa yang perlu dilakukan, semua akan memainkan peranan masing-masing sebaik Eusuf bangun tidur.

"Saya dan suami juga boleh mengharapkan anak yang lain menjaga Eusuf, termasuk memandikan, memakai pakaian dan menyuapnya makan," katanya.

Sementara itu, Idzfan berkata, dia kerap mengulangi pesanan kepada anaknya yang lain bahawa keluarga mereka berbeza dengan orang lain kerana memiliki Eusuf.

"Saya selalu terangkan kepada anak yang lain, kita tak macam orang lain, kita ada Eusuf yang menunggu di rumah, tidak boleh lepak lepas pulang sekolah.

"Kami tiada pembantu rumah dan perlu kerjasama, Alhamdulillah anak yang lain sangat memahami dan membantu kami menjaga Eusuf," katanya.

> "Jika dulu Eusuf mempunyai enam jenis sawan, tetapi kini hanya tinggal satu jenis
> — Djasriza



EUSUF disahkan menghidap penyakit LGS ketika ulang tahun kelahirannya yang pertama pada 24 Mei 2016.



DJASRIZA dan Idzfan mengakui perkembangan positif keadaan Eusuf cukup menggembirakan hati mereka sebagai ibu bapa.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | BERKAT PILIHAN BIJAK MENABUNG | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 06 OKT 2023 | M/SURAT : | 12 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Berkat pilihan bijak menabung

***Bapa tujuh cahaya mata bersyukur terima manfaat penabungan berganda Simpan SSPN PRIME***

**Oleh Mary Victoria Dass**
am@hmetro.com.my

Pilihan bijak seorang bapa menabung di Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) Prime bagi empat daripada tujuh cahaya matanya membantu meringankan beban keluarga berkenaan apabila menerima Geran Sepadan lebih RM9,000 secara percuma di sini, kelmarin.

Jurukimpal di syarikat swasta itu, Shah Hirunizam Kadir, 45, berkata, dia dan keluarganya bersyukur menerima Geran Sepadan berkenaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi Program Sinar Kasih.

Beliau berkata, Geran Sepadan berkenaan digunakan untuk pembiayaan kos pendidikan anak keduanya, Aisyah bagi melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) peringkat Asasi dalam jurusan Sains Pertanian.

Menurutnya, dia membuka akaun Simpan SSPN Prime bagi Aisyah pada 21 September 2005.

"Saya dan isteri merancang perbelanjaan bulanan keluarga bagi membolehkan kami membuat penabungan untuk anak kerana yakin pendidikan adalah pelaburan jangka panjang.

"Kami bersyukur kerana dapat menabung bagi empat cahaya mata di Simpan SSPN Prime mengikut kemampuan keluarga pada setiap bulan.

"Kami yakin ia akan membantu anak kami ketika menjejak kaki ke menara gading, Alhamdulillah Aisyah dan kakaknya dapat melanjutkan pengajian di universiti.

"Saya memohon geran ini pada bulan lalu dan tidak sampai sebulan kami dimaklum tuntutan Geran Sepadan diluluskan," katanya.

Sementara itu, Aisyah berkata, dia terharu dan kagum dengan ibu dan bapanya yang mementingkan pendidikan dan masa depan anak-anak.

Menurutnya, menerusi Geran Sepadan, proses pengajiannya lebih lancar dan dia lebih bersemangat bagi mengubah nasib keluarga serta mahu membalas jasa ibu bapanya.

"Saya memasang impian menjadi pakar perunding diet dan berusaha bagi terus mencapai kecemerlangan dalam akademik di universiti.

"Kami sekeluarga amat berterima kasih kepada PTPTN yang menawarkan manfaat penabungan berganda ini," katanya ketika menerima kunjungan daripada Ketua Eksekutif PTPTN Ahmad Dasuki Abdul Majid dan Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Johor Mazni Ruslan di kediaman keluarga di Taman Kota Masai di sini, kelmarin.




MAZNI (kiri) dan Ahmad Dasuki (dua dari kiri) menyerahkan Geran Sepadan kepada Shah Hirunizam (tengah) bersama isteri dan anak-anak mereka di Taman Kota Masai.

Ahmad Dasuki berkata, pelaksanaan program ini usaha PTPTN memperkasakan hebahan mengenai keistimewaan produk Simpan SSPN Prime dalam membantu meringankan beban golongan memerlukan.

Beliau berkata, antara keistimewaan Simpan SSPN Prime yang amat menarik iaitu pemberian Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk keluarga yang layak.

Menurutnya, Geran Sepadan adalah insentif kewangan yang ditawarkan kepada pendeposit yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000 sebulan apabila penerima manfaat iaitu anak-anak mendaftar masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang diiktiraf kerajaan.

Katanya, ia antara usaha kerajaan memastikan golongan berpendapatan rendah menikmati manfaat penabungan yang berganda.

"PTPTN mewujudkan instrumen simpanan melalui Simpan SSPN sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi.

"Selain pemberian Geran Sepadan, Simpan SSPN turut menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat untuk masyarakat Malaysia antaranya pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, patuh syariah dan dijamin oleh kerajaan.

"PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha membantu ibu bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke IPTA, sekali gus komited memastikan tiada lagi pelajar yang tercicir ke IPTA kerana masalah kewangan," katanya.

"Simpan SSPN Prime ini adalah bagi semua golongan dan pendaftaran amat mudah termasuk atas talian.

"Sehingga 31 Ogos lalu, PTPTN sudah menyampaikan Geran Sepadan bernilai RM3.6 juta kepada 2,396 penerima di seluruh negara.

"Maklumat lanjut Simpan SSPN boleh diperoleh di portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat," katanya yang turut menyerahkan Geran Sepadan kepada Shah Hirunizam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DERA ANAK: WANITA, TEMAN LELAKI DIDAKWA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dera anak: Wanita, teman lelaki didakwa

**Muar:** Seorang wanita serta teman lelakinya didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mendera dua anak kandung menggunakan rotan dalam kejadian di sebuah rumah di Jalan Bakri, bulan lalu.

Tertuduh, Ouch Pisey, 36, warga Kemboja manakala teman lelakinya, Chong Chin Wee, 38, yang juga tukang masak bagaimanapun tidak mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibaca bersama di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, pasangan itu didakwa mendera dua anak perempuan masing-masing berusia lima dan enam tahun di sebuah rumah antara 16 hingga 26 September lalu.

Mereka didapati menganiayai kedua-dua kanak-kanak itu menggunakan rotan menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Berikutan itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 31 akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pasangan itu boleh dikenakan hukuman didenda sehingga RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Nur Sulehan Abd Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 setiap seorang dan menetapkan 7 November ini sebutan semula kes, serahan dokumen dan lantikan peguam.

Abu Bakar juga mengarahkan hanya warga tempatan dibenarkan membayar ikat jamin Ouch.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret, Chong turut berhadapan satu lagi pertuduhan mencederakan bapa kandung mangsa, Tan Kim Hock dengan menggunakan rotan.

Bagaimanapun, Chong mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu.

Majistret, Fatin Dalilah Khalid membenarkan tertuduh diikat jamin RM2,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan tarikh sama untuk sebutan semula kes.

Khamis lalu, ibu kandung dan teman lelakinya ditahan susulan laporan polis dibuat bapa kandung yang mendakwa dua anak perempuannya didera guna rotan.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata kejadian itu disyaki didalangi ibu mangsa dan teman lelakinya.

Katanya, kejadian itu menyebabkan kedua-dua mangsa mendapat rawatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah selepas lebam di badan, pinggul dan juga betis.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA BERADIK TAK SEMPAT SAMPAI KE SEKOLAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**KEMALANGAN MAUT**

# Dua beradik tak sempat sampai ke sekolah

**Bagan Datuk:** Dua pelajar maut selepas motosikal dibonceng mereka dirempuh sebuah kereta di KM45 Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk, depan Sekolah Kebangsaan (SK) Bagan Datoh, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi itu, mangsa, Muhammad Lutfil Faiq Abdullah, 15, dan adiknya, Nur Lidiya Faiqah Abdullah, 13, difahamkan dalam perjalanan ke sekolah mereka di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Muar yang terletak kira-kira 300 meter dari lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri, berkata berdasarkan siasatan awal, kemalangan itu membabitkan motosikal jenis Modenas Kriss yang ditunggang oleh pelajar lelaki berusia 15 sambil dibonceng adiknya itu bergerak dari arah pekan Bagan Datuk menghala ke arah Hutan Melintang.



DUA beradik maut selepas motosikal bertembung sebuah Perodua Viva di KM45 Jalan Hutang Melintang - Bagan Datuk.

"Setiba di tempat kejadian, motosikal mangsa disyaki memotong dengan memasuki laluan bertentangan dan terus bertembung dengan kereta jenis Perodua Viva yang dipandu seorang wanita berusia 28 tahun di laluan bertentangan.

"Nahas terbabit mengakibatkan dua orang pelajar sekolah juga pasangan adik beradik meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah, manakala pemandu wanita mengalami kecederaan ringan.

"Mayat adik-beradik berkenaan dibawa ke Hospital Teluk Intan untuk dibedah siasat.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, orang awam yang menjadi saksi atau mempunyai rakaman 'dash cam cctv' diminta berhubung dengan Pegawai Penyiasat, Inspektor Muhammad Hanif Ghazali di talian 013-8211978 atau 05-6122222 bagi membantu siasatan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GANTI HUKUMAN MATI PASANGAN KEKASIH DENGAN PENJARA 30 TAHUN | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

BUNUH ANAK SENDIRI SEMBILAN TAHUN LALU

# Ganti hukuman mati pasangan kekasih dengan penjara 30 tahun

**Putrajaya:** Mahkamah Rayuan semalam, menggantikan hukuman mati sepasang kekasih dengan penjara 30 tahun bagi kesalahan membunuh seorang kanak-kanak lelaki yang juga anak kepada tertuduh wanita, sembilan tahun lalu.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk SM Komathy Suppiah memerintahkan R Saravanan Kumar, 33, serta T Gayathry, 39, menjalani hukuman penjara itu daripada tarikh mereka ditangkap.

"Hukuman gantung yang dikenakan Mahkamah Tinggi Georgetown diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 30 tahun terhadap kedua-dua tertuduh bermula daripada tarikh mereka ditangkap," kata Vazeer Alam yang turut mengenakan 12 sebatan terhadap Saravanan.

Saravanan ditangkap pada 27 September 2014 manakala wanita itu ditahan pada 25 September, tahun sama.

Terdahulu, peguam, M Visvanathan yang mewakili Gayathry memberitahu mahkamah bahawa Jabatan Peguam Negara sudah bersetuju dengan representasi yang dikemukakan pihaknya.

Perkara itu turut disahkan Timbalan Pendakwa Raya Fuad Aziz.

Pada prosiding semalam, peguam, N Selvarani mewakili Saravanan.

Pada 24 September 2020, Mahkamah Tinggi Georgetown menjatuhi hukuman gantung terhadap mereka selepas didapati bersalah membunuh S Kaviarasan yang ketika itu berumur lima tahun.

Pasangan kekasih itu didakwa di Mahkamah Sesyen Bukit Mertajam pada 13 Oktober 2014 atas tuduhan membunuh Kaviarasan di Taman Keladi, Kulim, Kedah antara jam 8 pagi pada 20 September dan jam 4 petang, 27 September 2014.

Mayat kanak-kanak itu yang dicampak di kawasan semak di ladang sawit berhampiran Permatang Tinggi, Bukit Tengah, Butterworth ditemukan polis pada 29 September 2014. - Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MUIP SEDIA BANTUAN BULANAN RM600 | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Muip sedia bantuan bulanan RM600

**Kuantan:** Penderitaan Ahmad Fazlan Mohd Zubir, 31 yang mengalami lumpuh selepas saraf tunjang rosak mendapat perhatian Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) yang menyediakan bantuan kewangan RM600 sebulan.

Selain itu, Muip turut memberikan baucar keperluan asas RM200 sebulan dan bantuan sekali bayar (*one-off*) sebanyak RM2,000 kepada Ahmad Fazlan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) Muip, Dr Asmadi Abdul Rahman berkata, bantuan bulanan mula dibayar November ini bagi meringankan beban Ahmad Fazlan.

Katanya, difahamkan Ahmad Fazlan kini dijaga sepenuhnya oleh ibunya, Salbiah Mohd Salleh, 50 yang turut mengidap penyakit darah tinggi dan kencing manis.

"Saya kagum melihat semangat dan pengorbanan seorang ibu (Salbiah) yang berkorban berhenti kerja semata-mata untuk menjaga Ahmad Fazlan yang kini hanya mampu terlantar diatas katil.

"Semua urusan dilakukan wanita terbabit kerana anaknya tidak mampu bergerak, pengorbanan yang begitu mulia seorang ibu pada anaknya," katanya selepas melawat pesakit berkenaan di Taman Sungai Karang Dua Bypass di sini, semalam.



DR Asmadi menyampaikan bantuan kewangan kepada Salbiah bagi pihak anaknya, Ahmad Fazlan yang mengalami lumpuh selepas saraf tunjangnya rosak. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

> **"Saya kagum melihat semangat dan pengorbanan Salbiah**
> Dr Asmadi

Kisah penderitaan Ahmad Fazlan yang mengalami lumpuh paras leher ke bawah selepas saraf tunjangnya rosak disiarkan akhbar ini, semalam.

Dia kini hanya bergantung sepenuhnya pada susu khas selain terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan 24 jam.

Sebelum ini dia menerima rawatan selama lapan bulan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), pembedahan sepanjang kira-kira 55 sentimeter dari bahagian tengkuk hingga tulang belakang bawah pinggang bagi membuang cecair nanah juga dilakukan.

Dr Asmadi berkata, difahamkan Ahmad Fazlan kini menerima bantuan susu khas sebanyak 17 tin sebulan, katil, tilam khas dan mesin bantuan pernafasan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Bantuan kewangan turut diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAIK ANGIN TAK BERI DUIT | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

JERUT LEHER ISTERI GUNA TALI HINGGA PENGSAN

# Naik angin tak beri duit

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

Berang selepas gagal mendapat sejumlah wang dikehendaki, seorang lelaki naik hantu dengan menjerut leher isterinya menggunakan tali hingga pengsan di sebuah rumah di Jalan Kim Kee di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah malam, suspek berusia 33 tahun yang juga penganggur dipercayai dalam proses penceraian dengan isterinya berusia 29 tahun, naik angin apabila wanita itu tidak memenuhi permintaannya.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, keadaan itu menyebabkan suspek bertindak luar dugaan apabila mengambil tali lalu menjerut leher isterinya.

Pada masa sama, Raiz Mukhliz berkata, suspek turut menutup mulut mangsa hingga tidak sedarkan diri.

Beliau berkata, perbuatan suspek menyebabkan dia panik dan melarikan diri sebaik mangsa tersedar selepas ditamparnya.




ANGGOTA polis membawa suspek (tengah) keluar dari Mahkamah Majistret Muar.

"Mangsa kemudian menyelamatkan diri lalu ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar untuk membuat laporan polis," katanya ketika dihubungi.

Raiz Mukhliz berkata, bertindak atas laporan mangsa, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah menahan suspek pada hari kejadian.

Beliau berkata, suspek dibawa ke IPD Muar untuk siasatan lanjut sebelum dibawa ke Mahkamah Majistret untuk perintah reman.

"Polis masih menjalankan siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh," katanya.

Sementara itu, suspek memakai baju lokap jingga tiba di Mahkamah Majistret sekitar jam 8 pagi semalam bagi mendapatkan perintah reman.

Perintah reman lima hari dikeluarkan Majistret Fatin Dalilah Khalid bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.

**"Perbuatan suspek menyebabkan dia panik dan melarikan diri sebaik mangsa tersedar selepas ditamparnya"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEMAKIN RAMAI LELAKI TAMPIL MENGAKU MANGSA GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Semakin ramai lelaki tampil mengaku mangsa gangguan seksual

**Ipoh:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengesan terdapat penambahan ketara bilangan mangsa gangguan seksual daripada kalangan lelaki.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perkara itu dikesan sepanjang 10 siri Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual yang dibuat di 10 negeri bermula 6 Julai hingga 2 Oktober lalu.

Beliau berkata, ia sekali gus menampakkan hasil positif pelaksanaan program advokasi terbabit.

Katanya, pada siri pertama jerayawara di Pulau Pinang pada 6 Julai lalu, tiada rekod mengenai mangsa lelaki dicatatkan namun angka itu meningkat di jerayawara terakhir di Kedah iaitu 36 orang mengaku menjadi mangsa.

